



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku



Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kisah Imam Syafie

Fauziana Fauzi @ Mat Rawi

Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
UiTM Puncak Alam

Aku sangat bersyukur kerana telah dipertemukan dengan buku bertajuk Imam Syafie: Pengasas Mazhab Syafie karangan Abdul Latif Talib. Ianya merupakan buku yang sangat memberikan motivasi kepada aku sebagai seorang pensyarah. Semasa buku ini dibeli, aku dalam keadaan mencari-cari hala-tuju hidupku sebagai seorang pendidik. Sehingga pada suatu hari aku membawa anak-anakku ke Kedai Buku Popular di AEON Mall Shah Alam. Hampir setiap bulan juga aku akan membawa anak-anakku ke kedai buku. Aku mahu mereka menjadikan membaca sebagai hobi bagi mengelakkan mereka leka dengan gadget. Pandangan pertama aku pada buku ini membuatkan aku terus jatuh hati dan terus membelinya. Di rumahku terdapat sebuah lagi buku berkenaan Imam Syafii. Namun, gaya penulisan berbentuk akademik tidak begitu menarik minatku untuk membacanya. Buku ini sangat sesuai untuk bacaan anak-anakku. Penceritaannya yang bersahaja amat menarik dan menyeronokkan. Di usia yang masih muda beginilah, sebagai penuntut ilmu, anak-anakku perlu diperkenalkan dengan tokoh ini. Tokoh yang sangat wara' dan sangat mencintai ilmu. Apatah lagi Malaysia mengamalkan Mazhab Syafii dalam kehidupan seharian.

Buku ini menceritakan tentang perjuangan seorang ulama besar iaitu Imam Syafie dalam menyampaikan ilmu-ilmu agama yang sangat penting kepada umat Islam. Beliau merupakan pengasas kepada Mazhab Syafie yang sangat berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bersama tiga lagi Imam Besar iaitu Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (Mazhab Hanbali), Imam Abu Hanifah (Mazhab Hanafi) serta Imam Malik (Mazhab Maliki). Pada hematku, seluruh umat Islam yang berpegang dengan Mazhab Syafie wajib mengenali Imam Syafie. Melalui buku ini terlalu banyak pengajaran serta nilai yang dapat aku pelajari dan teladani. Antaranya ialah sifat kecintaan dan ketekunan Imam Syafie dalam menuntut ilmu, didikan hebat ibunya sejak kecil, sikap hormat dan menyayangi guru, serta sifat kesabaran serta kemaafan yang tinggi.

Keturunan Mulia dan Didikan Ibu

Sebagai permulaannya, aku ingin berkongsi dengan pembaca tentang biodata Imam Syafie. Nama sebenar Imam Syafie ialah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Shafie bin Saib bin Abdu Yazid bin Hasyim bin Abdul Mutalib bin Abdul Manaf. Beliau berketurunan Rasulullah S.A.W. Bapa beliau berasal dari keturunan Quraisy dari Bani Mutalib. Manakala ibunya pula bernama Ummu Habibah al-Uzdiyyah, berasal dari kabilah Yaman dari suku Uzd. Imam Syafie telah dilahirkan di Gaza, Palestin pada bulan Rejab tahun 150 hijrah. Setelah ayahnya meninggal dunia ketika usianya 2 tahun, Imam Syafie dan ibunya kembali ke Mekah dan tinggal bersama sanak-saudara di sana. Mereka tinggal di sebuah perkampungan bernama Sya'ab al-Khaif yang terletak di bahagian Utara Kota Mekah dalam keadaan yang sangat sederhana. Imam Syafie dididik oleh ibunya dengan penuh kasih-sayang dan diajar oleh ibunya mengenal huruf al-quran. Ibunya ialah seorang wanita solehah yang sangat kuat beribadah dan bersedekah. Ibunya ialah yang mendorong Imam Syafie untuk mengembara bagi menuntut ilmu serta menjadi seorang ulama. Di sini, aku percaya bahawa ibu bapa merupakan penggerak

utama kepada kejayaan seseorang anak. Anak-anak umpama kain putih yang dicorakkan oleh ibu dan bapanya.

Kecintaan Terhadap Ilmu dan Menyampaikan Ilmu

Selain itu juga aku dapati bahawa Imam Syafii adalah seorang yang sangat tekun dan mempunyai keazaman yang tinggi dalam menuntut ilmu. Ilmu ini seterusnya disampaikan pula kepada umat Islam lainnya. Maka tidak hairanlah mengapa beliau diangkat sebagai Imam besar dan kitabnya terus dijadikan rujukan sehingga hari ini. Sejak kecil lagi Imam Syafie telah menunjukkan kecintaan yang luar biasa terhadap ilmu pengetahuan khususnya ilmu agama. Sejak kecil, beliau ke Masjidil Haram setiap hari untuk belajar agama. Antara majlis ilmu yang paling disukainya adalah pengajian Quran. Pada umur 9 tahun beliau telah berjaya menghafal al-quran. Pada pandanganku, hal ini adalah amat luar biasa sekali. Jarang sekali kanak-kanak sekecil ini mampu menghafaz sebuah al-quran. Dengan kelebihan tersebut, beliau telah diterima menjadi anak murid kepada Imam Ismail Kustantani, seorang yang berilmu pengetahuan dalam bidang al-Quran. Imam Ismail Kustantani juga sangat takjub dengan keupayaan Imam Syafie menghafal al-Quran pada usia yang amat muda.

Beliau seterusnya mempelajari ilmu hadis daripada Imam Sufian Ainiah sehinggalah beliau diakui sebagai seorang yang pakar dalam ilmu hadis. Beliau kemudiannya berguru pula dengan Imam Muslim al-Zanji, Gabenor Mekah pada masa itu bagi mempelajari Ilmu Feqah. Hal ini kerana untuk menjadi seorang alim ulama, beliau perlu menguasai ilmu quran, ilmu hadis dan juga Ilmu Feqah. Akhirnya beliau diakui gurunya dapat mengajar serta dapat memberi fatwa mengenai hukum – hukum agama. Sungguhpun begitu beliau masih merasa kekurangan dalam ilmu agama. Maka beliau mempelajari kitab Muwatta' yang dikarang oleh Imam Malik bin Anas sehingga dapat menghafal semua kandungan kitab tersebut dalam tempoh masa yang amat singkat.

Perasaan yang membuak-buak untuk mempelajari kitab Muwatta' secara langsung dari Imam Malik telah membawa beliau ke Madinah. Ternyata Imam Malik sangat mengagumi Imam Syafie atas keupayaannya menghafal kitab al-Muwatta'. Beliau telah dipelawa untuk tinggal bersama Imam Malik sepanjang berada di sana. Imam Malik juga menghormati Imam Syafie kerana Imam Syafie berketurunan Rasulullah S.A.W. Setelah 8 bulan di Madinah, Imam Syafie meminta izin dari Imam Malik untuk berhijrah ke Iraq dan berguru pula dengan Imam Muhammad al-Hasan dan Imam Abu Yusof serta beberapa ulama lain.

Setelah itu Imam Syafie berangkat ke Herat di Utara Parsi, Iran. Di Herat, Imam Syafie mempelajari Bahasa Parsi hingga beliau fasih bertutur dalam bahasa tersebut. Di sana beliau telah menuntut ilmu dengan para ulama dan menyampaikan kuliah kepada orang ramai. Beliau kemudiannya kembali semula ke Madinah dan singgah di Diyar Rabi'ah dan Mudhar yang terletak di sempadan antara Iraq dan Parsi beberapa hari dan sempat mempelajari Bahasa Arab dengan penyair terkenal di kalangan orang Badwi. Setelah itu beliau menemui gurunya Imam Malik di Madinah serta menyampaikan ilmu di sana. Setelah kewafatan Imam Malik pada tahun 179 hijrah pada usia 86 tahun, beliau kembali semula ke Kota Mekah bagi menemui ibunya serta mengajar ilmu hadis kepada penduduk Mekah. Di sini dapat kita teladani dan sikap Imam Syafie yang sangat menghormati dan menyayangi gurunya. Beliau mengembara dari satu negara ke negara yang lain untuk menuntut ilmu dan menyebarkan kembali kepada orang ramai.

Kehebatan Imam Syafie tersebar hingga ke Yaman. Hal ini menarik minat Gabenor Yaman lalu menjemput Imam Syafie ke sana. Di Yaman, beliau berguru pula dengan beberapa orang ulamak yang terkenal iaitu Matraf bin Mazin al Sana'ani, Amru bin Musallamah dan Hisham bin Yusof, Kadi Sana'i. Tidak hanya itu, Imam Syafie kemudiannya turut mempelajari ilmu kedoktoran, ilmu hisab serta ilmu firasat. Imam Syafie juga telah dilantik menjadi setiausaha

dan jurutulis kepada Gabenor Yaman di samping menyebarkan ilmu kepada sesiapa yang berhajat untuk berguru dengannya. Di sana beliau bertemu jodoh dengan seorang wanita Bernama Hamidah binti Uyainah bin Amru bin Uthman bin Affan. Isterinya berketurunan Khalifah Uthman bin Affan. Dari perkahwinan tersebut mereka dikurniakan tiga (3) orang anak iaitu Abu Uthman Muhammad, Fatimah dan Zainab.

Mempelajari Ilmu – Ilmu Lain

Aku juga berpendapat bahwa Imam Syafie merupakan seorang yang mempunyai banyak kelebihan lain. Hal ini kerana beliau juga merupakan seorang penyair yang handal. Beliau telah berguru dengan Mas'ab bin Zubair yang berasal dari perkampungan Bani Huzail sehinggakan beliau dapat menghafal 10,000 rangkap syair Bani Huzail. Beliau sangat hebat dalam bersyair sehingga dapat mengalahkan gurunya di dalam satu pertandingan dan menjadi tempat rujukan penyair yang mahu mengkaji puisi Arab terutama puisi Kabilah Huzail. Namun ibunya tidak membenarkan beliau menjadi seorang penyair. Beliau disuruh untuk menjadi seorang ulama. Menurut ibunya, ilmu agama akan membentuk akhlak yang mulia. Selain daripada bersyair, Imam Syafie juga mempelajari ilmu peperangan daripada seorang guru bernama Amiruddin yang merupakan seorang pesera tentera.

Sifat Pemaaf

Imam Syafie juga merupakan seorang yang pemaaf. Hal ini dapat dilihat dari kisah beliau difitnah oleh seorang gabenor yang bernama as-Saud. Imam Syafie telah dilantik menjadi seorang hakim atau kadi di Wilayah Najran. Penduduk Najran menyambut baik kedatangan Imam Syafie. Namun selang beberapa bulan kemudian, Al-Malek, Gabenor Najran telah meninggal dunia. Tempat tersebut diganti oleh Gabenor as-Saud yang berasal dari Baghdad. Beliau dilantik oleh Khalifah Harun ar-Rasyid bagi menggantikan Gabenor al-Malek. Namun sikap Gabenor as-Saud amat berbeza sekali dengan sikap Gabenor Al-Malek. Beliau tidak berminat untuk mengambil tahu tentang kebajikan rakyat di Najran. Hal ini menarik perhatian Imam Syafie, lantas selaku kadi, beliau menasihati Gabenor as-Saud tentang tanggungjawab seorang gabenor serta tidak menggunakan duit Baitulmal untuk majlis-majlis keraian yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat. Begitu juga dengan penduduk Najran yang turut merasai hal tersebut.

Namun nasihat tersebut tidak diendahkan malah mendapat bantahan daripada Gabenor as-Saud. Maka pihak gabenor telah merencanakan sesuatu agar Imam Syafie dilucutkan dari jawatan kadi. Imam Syafie telah difitnah menyokong puak Alawiyah ataupun orang Syiah yang memusuhi Bani Abbasiyah. Maka atas dakwaan ini Khalifah Harun ar-Rasyid telah memecat Imam Syafie dari jawatan tersebut. Dari sini aku belajar bahawa setiap orang akan diuji. Kejayaan yang kita peroleh kadang-kala mendatangkan perasaan iri hati orang lain terhadap diri kita.

Penarikan jawatan tersebut langsung tidak memberikan tekanan kepada Imam Syafie. Malah beliau merasa gembira kerana dapat mengajar dengan lebih terbuka. Apabila melihat lebih ramai penduduk Najran tidak menyukai tampuk pemerintahannya, Gabenor as-Saud telah memfitnah Imam Syafie sekali lagi dengan menghantar sepucuk surat kepada khalifah yang menyatakan bahawa Imam Syafie beserta kumpulannya sedang merancang hendak menjatuhkan Kerajaan Abbasiyah termasuk menggulingkan khalifah. Hal tersebut telah mendatangkan kemarahan khalifah lalu baginda memerintahkan sejumlah tentera untuk menangkap Imam Syafie serta orang-orang yang terlibat dalam konspirasi tersebut. Di sini, aku berpendapat bahawa sebagai seorang khalifah, beliau perlu menyelidiki terlebih dahulu sebarang berita yang sampai kepada baginda bagi memastikan kesahihan berita tersebut.

Setelah itu Imam Syafie serta beberapa orang pengikutnya telah dirantai kaki dan tangan lalu dipaksa berjalan kaki di atas padang pasir yang panas dari Kota Najran menuju ke Kota Baghdad. Perjalanan itu memakan masa selama dua bulan dan berlangsung pada bulan Ramadhan. Setibanya di Kota Baghdad, rantai yang dipenuhi dengan darah hitam pekat yang membelenggu kedua-dua belah tangan mereka masih lagi tidak dibuka. Malah, dalam keadaan yang sangat lemah, mereka dimasukkan ke dalam penjara dan disiksa dengan pukulan rotan yang tebal secara bertubi-tubi, Imam Syafie telah dipanggil menghadap Khalifah Harun Ar-Rasyid dalam keadaan merangkak kerana kedua belah kakinya telah dirantai. Setelah persoalan khalifah dijawab dengan baik, maka Imam Syafie dibebaskan. Sedangkan sembilan orang pengikutnya yang turut ditahan telah dibunuh. Di sini aku dapati bahawa sikap tidak teliti khalifah telah mengakibatkan berlakunya kelaziman kepada orang yang tidak bersalah.

Khalifah Harun Ar-Rasyid kemudiannya telah meminta Imam Syafie untuk menjawat jawatan sebagai hakim di Kota Baghdad. Namun, Imam Syafie telah menolak tawaran tersebut kerana beliau ingin berhijrah ke Mesir. Gabenor as-Saud ditangkap dan dibawa ke Baghdad dalam keadaan dirantai kaki dan tangannya. Beliau ditangkap atas kesalahan memfitnah kerabat Rasulullah. Gabenor as-Saud kemudiannya dibebaskan setelah mendapat kemaafan dari Imam Syafie. Sebelum berangkat ke Mesir, Imam Syafie telah menerima perkhabaran kemangkatan bondanya dan kembali ke Mekah bagi menyempurnakan wasiat terakhir ibunya iaitu bersedekah dengan semua harta yang dibawanya kepada fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Kemaafan yang ditunjukkan oleh Imam Syafie ini amat perlu aku contohi. Hal ini kerana sungguhpun dianiyai sebegitu rupa, beliau masih lagi mampu memberikan kemaafan terhadap orang yang telah menganiyai serta memfitnah beliau.

Teguh Pendirian

Aku juga mendapati bahawa Imam Syafie juga adalah seorang yang sangat teguh pendirian. Setelah Khalifah Harun Ar-Rasyid meninggal dunia, beliau telah digantikan dengan Khalifah al-Makmum. Baginda lantas menjemput Imam Syafie ke Baghdad. Pada Ketika itu penduduk Baghdad berpegang kepada Mazhab Hanafi. Imam Syafie telah diberikan beberapa buah kitab karangan Imam Abu Hanifah. Setelah menelitinya Imam Syafie mendapati terdapat beberapa kesilapan di dalam kitab tersebut. Beliau mendapati terdapat terdapat lapan muka surat yang membahaskan butir-butir yang menyalahi nas al-Quran serta sunnah Rasulullah. Namun, pendapat Imam Syafie telah mendapat tentangan daripada sebahagian besar anak murid Imam Abu Hanifah. Imam Syafie tetap dengan pendirian beliau sebagaimana yang telah dipesan oleh gurunya Imam Malik. Sikap tetap pendirian Imam Syafie ini sangat perlu aku teladani. Beliau sangat tegas dengan pegangan beliau dan tidak goyah dengan ancaman pihak lain.

Pada masa itu juga wujud fahaman Muktazilah. Fahaman ini lebih mengutamakan akal berbanding al-quran dan al-hadis. Setiap sesuatu masalah dipertimbangkan dahulu dengan akal. Menurut mereka yang berfahaman Muktazilah, akal fikiran itu lebih tinggi dari al-Quran dan al-hadis. Imam Syafie telah mendapat tentangan daripada penganut Muktazilah. Salah seorangnya bernama Fityan. Imam Syafie dipaksa untuk mengakui bahawa al-Quran adalah makhluk. Beliau tetap dengan pendirian bahawa al-Quran adalah wahyu Allah dan kafir bagi sesiapa yang menyatakan wahyu Allah adalah makhluk.

Akhlaq Mulia

Imam Syafie mempunyai akhlak yang sangat mulia. Imam Syafie pernah menerima jemputan daripada Gabenor Mesir, Abbas bin Musa. Di Mesir, sering terjadi perbalahan antara pengikut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah. Pengikut Mazhab Hanafi enggan menjadi makmum jika solat tersebut diimamkan oleh imam yang bermazhab Maliki dan sebaliknya. Imam Syafie telah dijemput untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau telah diberi

kebenaran untuk menyampaikan ilmu di Masjid Amru. Walaupun pendapat Imam Syafie berbeza dengan pendapat Imam Malik, Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Abu Hanifah, namun beliau tidak pernah mencerca mereka. Hal ini kerana perbezaan mazhab hanyalah dalam bidang ilmu fekah sahaja. Mereka tidak berbeza pendapat di dalam ilmu tauhid.

Kesabaran yang Tinggi

Imam Syafie juga adalah seorang yang sangat sabar apabila diuji. Beliau telah diduga dengan penyakit buasir. Penyakit buasir berdarah yang dialami oleh Imam Syafie semakin bertambah teruk dari hari ke hari. Darah yang keluar semakin banyak. Apabila beliau menunggang kuda atau unta, darah mengalir hingga membasahi kasutnya. Apabila tidur, tilamnya dialas dengan kain tebal. Namun, kesakitan yang ditanggung tidak menghalang beliau daripada terus beramal ibadat, mengajar dan melaksanakan ibadat-ibadat sunat seperti sembahyang malam dan membaca al-quran.

Dalam kesakitan tersebut juga Imam Syafie mengkaji semula kitab *al-Hujjaj* yang dikarangnya semasa berada di Iraq. Beliau kemudiannya menyusun kembali kitab *al-Umm*. Beliau mengubah fatwa-fatwa yang dikeluarkannya sebelum itu dan menggantinya dengan fatwa yang baru. Apabila ditanya berkenaan permusafiran oleh anak muridnya, Imam Syafie menyatakan bahawa seseorang perlu bermusafir untuk mencari kemuliaan kerana dalam pengembaraan itu ada lima kelebihan iaitu menghilangkan kesedihan, membina penghidupan baru, memperoleh ilmu, menguatkan jiwa dan dapat bergaul dengan ramai orang dari pelbagai perangai dan ragam. Imam Syafie tidak mampu lagi untuk mengajar di masjid setelah cedera parah akibat dipukul oleh pengikut Fityan.

Hilangnya Sebuah Permata Islam


Akhirnya Imam Syafie menghembuskan nafas terakhir pada malam Jumaat 28 Rejab tahun 204 hijrah, bersamaan 820 masihi. Ketika itu beliau berumur 54 tahun. Beliau meninggal dunia di rumah Abdullah bin Hakam. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Bani Zaharah dengan diiringi oleh puluhan ribu orang.

Sumbangan Imam Syafie kepada ilmu adalah sangat besar. Beliau menyusun tidak kurang dari 113 buah kitab. Menerusi kitab *ar-Risalah*, beliau menerangkan cara mengambil hukum (istinbat) daripada al-Quran dan al-hadis serta membincangkan tentang nasakh, kecacatan hadis, syarat penerimaan hadis, ijmak, istihsan dan qias. Kitab *al-umm* pula membicarakan berkenaan ibadat, muamalat, jenayah dan sebagainya.

Riwayat hidup Imam Syafie ini telah mengajarku bahawa kejayaan seseorang anak bermula dari dorongan kuat ibu dan bapanya. Sungguhpun hidup dalam kemiskinan, ibu Imam Syafie sangat menggalakkan anaknya mempelajari pelbagai ilmu khususnya ilmu berkaitan al-Quran kerana ianya akan membentuk akhlak yang mulia. Ibunya mengajar beliau sifat suka bersedekah dan mendidik Imam Syafie dalam acuan agama. Aku perlu mencontohi sikap Imam Syafie yang bersungguh-sungguh serta amat tekun dalam menuntut ilmu. Kecintaan Imam Syafie kepada ilmu khususnya ilmu al-Quran membawa beliau ke serata ceruk dan tempat. Beliau mengembara untuk berguru dengan ramai alim ulama yang tersohor lagi hebat dalam pelbagai ilmu.


Sikap Imam Syafie yang sangat menghormati guru juga perlu dicontohi oleh semua penuntut ilmu. Aku perlu memupuk sikap ini di kalangan pelajaraku. Beliau bukan sahaja menjadi anak murid kesayangan gurunya di Mekah, malah turut menjadi anak murid kesayangan Imam Malek. Imam Malik bukan sahaja menyayangi Imam Syafie tetapi juga menghormati dan memuliakan beliau kerana ketinggian ilmu serta berketurunan Rasulullah S.A.W. Imam Syafie juga merupakan seorang yang sangat pemaaf dan merendah diri. Beliau telah memaafkan

perbuatan Gabenor as-Saud yang telah memfitnah beliau sehingga dipenjara oleh Khalifah Harun ar-Rasyid. Beliau juga telah memaafkan Fityan, pengikut Muktaizilah yang sentiasa menyakitinya sewaktu berada di Iraq. Redha dan sabar Imam Syafie juga amat tinggi. Beliau redha dan sabar dengan sakit yang dideritai dan tetap beramal ibadat, menulis buku serta menyampaikan ilmu kepada umat Islam. Sakit yang dideritainya tidak menghalang beliau daripada terus berbakti kepada masyarakat serta kecintaannya terhadap ilmu. Semoga akan lahir lebih ramai Imam Syafie di kalangan generasi kini dan akan datang.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

